

03 MAY 1997

Abu Hassan-Pilihan raya

ABU HASSAN NASIHATKAN PARTI LAWAN TIDAK TANDING KERUSI PERMATANG

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Calon Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar hari ini berkata parti lawan sewajarnya tidak meletakkan calon untuk bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Selangor bagi kawasan Permatang.

Abu Hassan, yang juga bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata ini berdasarkan hakikat bahawa kawasan itu ialah kubu kuat Barisan Nasional (BN).

"Bagaimanapun, kita negara demokrasi...kalau dia nak lawan, lawanlah. Tetapi berdasarkan rekod BN, kita yakin akan menang. Sebab itulah saya kata tak perlu bertanding," katanya kepada pemberita selepas merasmikan ulangtahun ke-25 Bahagian Penguatkuasa kementerian berkenaan.

Inilah majlis rasmi terakhir beliau sebagai menteri selepas pengumumannya sebagai calon menteri besar Selangor yang baru dibuat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam.

Abu Hassan perlu bertanding dan memenangi kerusi dewan undangan negeri itu bagi membolehkannya memegang jawatan menteri besar selepas perletakan jawatan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berikutan kontroversi kegagalan beliau membuat deklarasi wang berjumlah RM2.4 juta di lapangan terbang Brisbane, Australia, 22 Dis lepas.

Abu Hassan berkata beliau akan melancarkan gerak kerja jentera BN bagi menghadapi pilihan raya kecil itu di Kuala Selangor petang ini.

Kerusi Dewan Undangan Negeri Permatang kosong selepas perletakan jawatan Jamaluddin Adnan. Beliau akan bertanding pada pilihan raya kecil kawasan parlimen Kuala Selangor yang sebelum ini dipegang Abu Hassan.

Abu Hassan turut menolak pandangan bahawa seorang menteri besar perlu dilantik dalam tempoh 28 hari selepas jawatan itu dikosongkan.

"Menurut Undang-undang Tubuh Negeri Selangor, tidak ada fasal yang menyatakan bahawa menteri besar mesti dilantik dalam tempoh 28 hari," katanya.

Beliau berkata BN bersedia untuk menghadapi pilihan raya kecil itu pada bila-bila masa.

Terdahulu, Abu Hassan berkata sebagai permintaan terakhir beliau akan meminta Jabatan Perkhidmatan Awam supaya menimbang untuk meluluskan pengambilan kakitangan baru untuk Bahagian Penguatkuasa selaras dengan tugasnya yang kian meningkat.

Sementara itu di PETALING JAYA, Pergerakan Wanita Umno Malaysia yakin pengalaman luas bakal Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar dalam Umno dan kerajaan akan dimanfaatkan untuk meneruskan pembangunan dan kemajuan negeri itu.

Ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata walaupun tugas Menteri Besar berat tetapi dengan pengalaman luas itu akan membolehkan bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu menjalankan tugas barunya kelak dengan baik.

"Ia satu pilihan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang harus kita beri sokongan untuk membolehkannya, yang berpengalaman luas, menjalankan tugasnya (sebagai Menteri Besar)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Ophthalmologi Malaysia-Singapura di sini, hari ini. -- BERNAMA

MNY WAT